

سuarا موزیم ملنٹر

# Suara

muzium kelantan



## PROGRAM RIADAH BERBASIKAL



Visit  
Kelantan  
2016

# SIDANG redaksi SUARA MUZIUM

## » PENAUNG

YB. Mejar (B) Dato' Haji Md. Anizam bin Ab. Rahman

## » PENASIHAT

YABrs. Mohamad Nazwan bin Ismail

## » KETUA EDITOR

Wan Jaafar bin Jusoh

## » EDITOR

Abustarim bin Yaacob  
Roslan bin Ibrahim  
Mohd Tarmizi bin Taib

## » REKA BENTUK & REKA LETAK

Mohd Ali Riduan bin Daud

## » JURU FOTO

Sabki bin Ibrahim

Diterbitkan oleh unit pengurusan :-

PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN  
Jalan Hospital, 15000 Kota Bharu, Kelantan.  
No. Tel: 09-748 2266 | Fax: 09-747 3366



YB. Mejar (B) Dato' Haji Md. Anizam bin Ab. Rahman  
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan  
Warisan Negeri Kelantan merangkap Pengerusi  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



YABrs. En. Mohamad Nazwan bin Ismail  
Pengarah, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



Alhamdulillah.....

Bertemu kembali dalam edisi keempat Suara Muzium bagi tahun 2016. Terlebih dahulu bersyukur saya kehadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurniaNya telah mengizinkan saya untuk merakamkan sepathet dua kata dalam edisi kali ini.

Suara Muzium ini diterbitkan bertujuan untuk memberikan informasi kepada masyarakat serta semua warga Muzium Negeri Kelantan berkaitan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016. Kejayaan dalam melaksanakan aktiviti ini kerana dorongan dan sokongan yang padu dari Dato' Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri YB Mejar (B) Dato Hj Md Anizam bin Ab. Rahman dan hasil kerja kuat Pengarah Muzium Negeri Kelantan YABrs En. Mohamad Nazwan bin Ismail serta komitmen yang tinggi dari pegawai dan kakitangan muzium.

Dikesempatan ini ,saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua pasukan Editorial Suara Muzium edisi 4/2016 dan semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan pada kali ini. Saya berharap hubungan kerjasama ini akan terus kekal pada masa akan datang.

Wan Jaafar bin Jusoh  
Ketua Editor

## Ketua Editor



## PROGRAM RIADAH BERBASIKAL GUA CHA MTB RIDE 2016

Pada 22 Mac 2016, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan kerjasama, Majlis Daerah Gua Musang, Persatuan Pendaki Muslim Kelantan dan persatuan sejarah Malaysia cawangan Kelantan telah mengadakan program riadah berbasikal bersama YB Dato Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Gua Cha MTB RIDE 2016). Program kayuhan basikal ini adalah merupakan satu usaha untuk meluaskan pengetahuan masyarakat terhadap pusat-pusat arkeologi tertua yang terdapat dalam negara kita dan diharapkan aktiviti riadah sebegini boleh melahirkan fizikal yang sihat yang akan menjadikan fikiran yang cerdas dan seterusnya boleh meningkatkan produktiviti seseorang. Program ini merupakan salah satu acara bagi mempromosi Tahun Melawat Kelantan (TMK 2016).

Secara geografinya Gua Cha terletak di tebing sungai Ninggiri, 16 kilometer ke hilir kampung Kuala Betis Gua Musang. Ianya merupakan kawasan batu kukup yang mempunyai keluasan 300 meter persegi. Dari sudut

arkeologi pula, Gua Cha adalah merupakan tapak yang aktif diselidiki dan beberapa artifak pra sejarah di jumpai semenjak tahun 1936 dan diikuti dengan kajian tahun 1954 dan tahun 1979 yang di percaya pernah di huni oleh kaum Hoabihian sejak 10,000 tahun dahulu.

Program kayuhan basikal ini bermula dari Sekolah Kebangsaan Kuala Betis sejauh 16 kilometer melalui jalan berbukit yang tidak berturap. Pelepasan (Flag off) telah dibuat oleh YB Mejar (B) Dato Hj Md Anizam bin Ab. Rahman, Pengurus Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan pada jam 9.00 pagi. Peserta seramai hampir 100 orang ini yang kebanyakannya

terdiri daripada penjawat awam yang di ketuai oleh YB Dato Setiausaha Kerajaan Negeri.

Adalah diharapkan aktiviti riadah seperti ini terutamanya penjawat awam boleh melahirkan fizikal yang sihat, fikiran yang cergas dan seterusnya akan lebih produktif dalam penghasilan kerja. Kawasan Gua Cha ini dipilih bertujuan untuk mempromosi dan memperkenalkannya kepada masyarakat di samping menambah ilmu arkeologi dan tempat-tempat bersejarah di Kelantan.



Lawatan ke Tapak Arkeologi, pameran dan menanam pokok sempena gua cha MTB Ride 2016




# PAMERAN & PERTANDINGAN SENI KHAT

Kerajaan Negeri Kelantan melalui Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah mengadakan satu pameran dan pertandingan seni khat bertempat di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV pada 19 Jun 2016 bersamaan 14 Ramadan 1437H Sempena program Madinah Ramadan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam dan Persatuan Seni Khat Cawangan Kelantan. Perasmian penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Dato' Hj Mohd Nasaruddin bin Hj Daud, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan

dan gunaan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Serantau yang mewakili YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan. Pertandingan dan pameran seperti ini diadakan setiap tahun pada bulan Ramadhan Al-Mubarak.

Pertandingan ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu secara spontan dan karya siap yang telah disertai oleh 300 orang peserta dari sekolah-sekolah agama Kerajaan Negeri dan Persekutuan, pelajar-pelajar pondok dan pencinta seni Khat. Objektif diadakan pertandingan

dan pameran ini antara lain ialah bagi memartabatkan dan mempromosikan seni penulisan khat kepada masyarakat sebagai satu cabang kesenian Islam serta mengukil bakat baru dalam melahirkan lebih ramai penulis Khat yang profesional.



Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan oleh YB Dato' Hj. Mohd Nasaruddin bin Hj. Daud.



Pertandingan Khat dan lawatan ke tapak pameran



## Majlis Berbuka Puasa & Menyambut Aidilfitri

Pada 28 Jun 2016 bersamaan 23 Ramadan 1437H telah diadakan majlis berbuka puasa di Grand River View Hotel Kota Bharu yang dihadiri oleh YB Dato' Haji Hassan bin Mohamood Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan merangkap Timbalan Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan yang mewakili YAB Dato Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Mejar (B) Hj Md Anizan b Ab. Rahman.

Sebelum majlis berbuka puasa YB Dato' Timbalan Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan YB Ustaz Dato' Hj Hassan bin Mohamood telah menyampaikan saguhati berbentuk wang tunai kepada semua kakitangan muzium kerana menjayakan pameran Pendidikan Perdana: Sultan Muhammad Al-Fateh dan Mumia Firaun dan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan lukisan dan fotografi.

Setelah sebulan berpuasa, tiba masanya menyambut Hari Raya Aidilfitri yang Mulia, sebagai tanda kesyukuran kita kepada Allah yang Maha Esa. Perbadanan Muzium Kelantan telah mengadakan majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 4 Ogos 2016 di dewan Cik Siti Wan Kembang, Muzium Negeri. Majlis rumah terbuka yang diadakan setiap tahun ini bertujuan untuk mengeratkan Silaturahim antara kakitangan muzium dengan para tetamu jemputan dan maaf bermaafan. Majlis rumah terbuka ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran ahli-ahli Lembaga Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.





Dato' pengurus, pengarah muzium negeri dan YDP Majlis Perbandaran Kota Bharu melawat pameran senjata di Muzium Adat Istiadat Diraja Kelantan (Istana Jahar).

## PAMERAN SENJATA DAN BATU PERMATA

Pameran ini telah diadakan pada 12 Mac hingga 12 April 2016 bertempat di Muzium Adat Istiadat Diraja Kelantan (Istana Jahar) Kota Bharu. Pameran ini adalah anjuran bersama Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Negeri Kelantan (PURBA) dan Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Kelantan. Pelbagai jenis senjata tradisional terutama keris, jenis-jenis batu batan dan permata siap dipamerkan.

Bersempena pameran ini juga telah diadakan :

- Pertandingan koleksi keris cantik yang mendapat sambutan yang mengalakkan yang disertai oleh 80 orang peserta dari negeri Pahang, Terengganu, Melaka, Selangor dan Pulau Pinang. Kategori senjata yang dipertandingkan ialah keris pandai sarah jenis (berpamor, lok dan keris lurus). Keris Semenanjung, keris Bugis, keris Alang dan pelbagai jenis senjata pendek.

- Forum yang bertajuk Keris Tajung yang telah diadakan pada 20 Mac 2016. Bagi mengupas tajuk ini dua orang penceramah khas

telah dijemput iaitu En. Nurhaiza bin Nordin dari Besut Terengganu dan Puan Hjh Rosmawati Bt Othman dari Akademi Nik Rasyidin Bachok Kelantan. Peserta forum terdiri daripada peminat-peminat keris.

- Bagi memeriahkan lagi pameran ini turut diadakan demotrasi membuat dan mencuci keris, persembahan seni silat keris, pertandingan melukis kanak-kanak dan demotrasi membuat cincin dan batu permata.



Seminar keris, demotrasi membuat keris, pertandingan melukis dan persembahan seni silat.



# PAMERAN KEMERDEKAAN SEHATI SEJIWA

Sempena menyambut ulangtahun Kemerdekaan Negara yang ke 59, Muzium Negeri Kelantan telah mengadakan satu pameran Kemerdekaan bermula 15 Ogos hingga 30 September 2016 bertempat di Balai Pameran Muzium Negeri. Majlis Pelancaran pameran ini telah disempurnakan oleh YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan pada 31 Ogos 2016 di Dataran Stadium serentak dengan pelancaran kibar jalur gemilang sempena menyambut bulan kemerdekaan.

Sehati sejiwa merupakan tema sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan tahun ini, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan sebuah Negara yang maju, aman dan makmur tanpa mengeneplekan asas-asas budaya dan menampilkan jati diri kenegaraan yang kukuh.

Melalui penghayatan yang tinggi terhadap tema, kita diharap dapat menjawai seterusnya memberi sumbangan ke arah kecermerilan

gan negara pada dekad yang akan datang. Generasi yang lahir selepas merdeka perlu diberi pendedahan dan ingatan terhadap rintitan sejarah negara supaya mereka mengetahui keperitan generasi terdahulu berjuang menuntut kemerdekaan dan berusaha membangunkan negara seperti yang dinikmati hari ini. Semangat perjuangan kental yang ada pada diri pemimpin negara dan disokong oleh rakyat yang bersemangat dan berjiwa merdeka telah berjuang menebus maruah bangsa daripada penjajahan akhirnya tercapai. Sewajarnya generasi hari ini meneruskan semangat perjuangan yang lebih dinamik dan sedia berkorban menghadapi cabaran globalisasi membangunkan cita-cita negara mengikut landasan yang telah diasaskan.

Melalui pameran ini diharapkan generasi masa kini dapat menghayati semangat perjuangan

dan aspirasi negara ke arah pembangunan yang lebih mampan. Perjuangan mengisi kemerdekaan hendaklah diteruskan oleh anak bangsa yang memiliki identiti Malaysia.

Bagi memeriahkan lagi pameran ini, turut diadakan majlis meraikan anak-anak merdeka pada malam 31 Ogos di perkarangan Muzium Negeri. Turut hadir dalam majlis ini ialah Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan YB Mejar (B) Dato' Hj Md Anizam bin Ab. Rahman dan para jemputan. YB Dato' Pengerusi telah menyampaikan hadiah-hadiah cabutan bertuah kepada pemenang.

مرديكا! مرديكا! مرديكا!



MALAYSIA  
#sehatisejiwa



*Majlis meraikan anak merdeka dan pertandingan mewarna*




Majlis pelancaran pameran kemerdekaan oleh YAB Menteri Besar Kelantan



# PAMERAN ARTIFAK RASULULLAH SAW DAN PARA SAHABAT RA

PAMERAN PENDIDIKAN PERDANA II



Pameran Artifak "Rasulullah S.A.W dan Para sahabat R.A" ini adalah cetusan permulaan suatu demensi baru dalam memertabatkan sejarah keagungan Islam. Pameran ini juga merupakan satu titik mula untuk memperkenalkan dan mempertontonkan kepada orang ramai tentang kehebatan dari segi kepakaran pemimpin dan masyarakat Islam terdahulu dalam menghasilkan peralatan untuk pelbagai kegunaan yang menjadi rujukan sehingga hari ini. Kegemilangan Islam terdahulu berkenaan tamadun dunia yang kita lupakan, adalah sebahagian besar teknologi dan cara pemerintahan yang digunakan

dewasa ini adalah berasaskan kepada teknologi kepakaran yang dicipta oleh masyarakat Islam terdahulu, kemudian dibangunkan sesuai dengan arus kemodenan dunia hari ini. Tajuk atau tema pameran ini dipilih khas bagi memartabatkan Tamadun Islam agar tidak dilupakan dan hilang ditelan zaman. Sesungguhnya "tiada yang terdahulu, maka tiada yang sekarang".

Pameran yang diadakan di Muzium Negeri Kelantan ini bermula pada 5 Oktober sehingga 30 November 2016 dan telah disempurnakan pelancarannya oleh Menteri Besar Kelantan YAB

Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob bertempat Dataran Ilmu Tok Guru Kota Bharu pada 14 Oktober 2015, sebelum itu sidang akhbar mengenai pameran telah berlangsung pada 25 September 2016 oleh YB Mejar (B) Dato' Hj Md Anizam bin Ab Rahman Pengurus Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan, Merangkap Pengurus Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Pameran ini adalah anjuran bersama Kerajaan Negeri Kelantan, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Hidayah Event SDN BHD dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Antara artifak yang dipamerkan ialah kain penutup makam Rasulullah, kunci kaabah, kunci makam Rasulullah, serban Rasulullah, janggut Rasulullah, tongkat Rasulullah, busur panah Rasulullah, rambut Rasulullah, darah bekam Rasulullah, sandal Rasulullah, tapak kaki Rasulullah, tanah suci, kain kiswah dalam kaabah, pedang Khalid Ibn Walid, pedang Uthman Ibn Affan, pedang sahabat Mu'adz Ibn Jabal, batu bersurat dari kerajaan Uthmaniah kurun 12, cop mohor Rasulullah, jam Matahari, dan Al-Quran Emas.




Menteri Besar Kelantan menerima cenderamata daripada pengurus muzium



Menteri Besar Kelantan melawat pameran artifak Rasulullah s.a.w dan Para Sahabat di muzium negeri.

# JELAJAH TOK JANGGUT



Sempena sambutan Perayaan Jubli Perak, 25 tahun Pemerintahan Membangun Bersama Islam, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah menganjurkan satu pameran tokoh iaitu Tok Janggut (Hj Mat Hassan bin Munas) di Muzium Negeri Kelantan pada 20 Oktober 2015 hingga 31 Januari 2016. Pameran ini diadakan bagi memperingati

100 tahun perjuangan Tok janggut membebaskan tanahair dari cengkeman penjajah. Beliau merupakan tokoh pahlawan dan juga tokoh kemerdekaan yang tidak asing lagi terutama di Negeri Kelantan.

Bagi tujuan pendedahan dan memperingati jasa tokoh yang berjuang untuk Bangsa, Agama dan Tanahair kepada generasi kini, pihak Muzium Negeri dengan kerjasama Yayasan Islam Kelantan telah mengambil inisiatif membawa pameran ini menjelajah ke sekolah sekolah di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan. Antaranya ialah

Mahaad Al-Ahmadi Padang Siam Tanah Merah, Mahaad Al-Sabirin Jeli, Mahaad Rahmaniah Kuala Krai dan Mahaad Amir Indera Beris Kubur Besar Bachok. Program ini akan diteruskan di masa akan datang.

Selain pameran turut diadakan ceramah mengenai ketokohan Tok Janggut dan persembahan Pentomin Tok Janggut dan cabutan bertuah. Ke semua majlis telah disempurnakan perasmianya oleh YB Mejar (B) Dato' Hj Md Anizam bin Ab. Rahman, Pengurus Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Kelantan.

Antara objektif pameran ini adalah :

1. Sebagai satu usaha dalam memperingati jasa kepahlawanan tokoh terdahulu dalam menegakkan kedaulatan negara dan agama daripada terus dijajah dan ditindas.
2. Memperlihatkan satu ruangan ilmu kepada generasi baru untuk mengenali tokoh-tokoh kemerdekaan negara.
3. Memberi ruang kepada masyarakat agar dapat menyelami dan menghayati setiap usaha orang terdahulu dalam membebaskan negara dari penjajah.
4. Mengalakkan masyarakat untuk terus mengetahui sejarah dengan lebih mendalam, kerana melalui sejarah dapat melahirkan sifat Jati diri.



Discover  
Kedah 2016



Lawatan ke gerai pameran Muzium Kelantan

## HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2016

Pada 18 Mei setiap tahun, muzium-muzium di seluruh Dunia menyambut dan merayakan hari muzium antarabangsa. Bagi tahun 2016 tema yang ditetapkan ialah "Muzium dan Lanskap Budaya". Tema ini dipilih bertujuan membuka peluang untuk meninjau peranan baru bagi muzium dalam usaha memelihara serta memulihara lanskap budaya serta hubungkaitnya dengan intitusi muzium serta usahasama yang perlu digembeleng bersama dengan ahli masyarakat setempat dan juga pengunjung melalui penyaluran maklumat dan pelbagai program promosi agar semua pihak dapat mengambil



bahagian dalam pembangunan mampan dan kesejahteraan bersama.

Sambutan perayaan hari muzium peringkat kebangsaan 2016 ini telah diadakan di Alor Setar Kedah Darul Aman selaku tuan rumah dan telah dirasmikan pembukaanya oleh Menteri Besar Kedah YAB Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipa. Sambutan perayaan ini telah disertai oleh semua muzium-muzium di Malaysia termasuk muzium-muzium jabatan seperti Muzium Matawang, Muzium Tentera, Muzium orang Asli dan lain-lain bermula pada 15 hingga 21 Mei 2016. Pelbagai program telah diatur dan dilaksanakan sepanjang sambutan ini di antaranya

ialah, Majlis Perasmian Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2016, pameran dan karnival, seminar dengan tajuk muzium dan lanskap, kejohanan sukan, larian muzium, program bersama komuniti dan lawatan keilmuan. Di hari penutup hari muzium Antarabangsa ini telah berlangsungnya majlis penyerahan bendera kontijen oleh YB Dato' Mohd Rawi bin Ab Hamid EXCO Pelancongan Negeri Kedah kepada YB Mejar (B) Dato' Hj Md Anizam bin Ab Rahman EXCO Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan yang dengan rasminya Negeri Kelantan akan menjadi tuan rumah sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan tahun 2017.



Majlis perasmian Hari Muzium dan lawatan ke gerai pameran.



Sebahagian aktiviti sukan Hari Muzium di Kedah dan Penyerahan Bendera Kontijen kepada Muzium Kelantan



**JUMPA DI KOTA BHARU 2017**

# PAMERAN & PERTANDINGAN SENILUKIS & FOTOGRAFI

Setiap tahun pada 15 April merupakan Hari Seni Sedunia yang disambut pada peringkat Antarabangsa. Sempena dengan sambutan ini, pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan mengambil inisiatif mengadakan satu pertandingan lukisan serta pertandingan fotografi peringkat kebangsaan di bawah program dan aktiviti Balai Seni Lukis Kelantan.

Pertandingan yang diadakan ini, melibatkan peserta di peringkat Kebangsaan. Setiap hasil lukisan dan foto yang dipertandingkan dipamer di galeri Muzium Negeri. Pameran dan pertandingan ini diadakan dengan kerjasama

Persatuan Seni Lukis Kelantan (PESENI), Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, Kelab Jurugambar Kelantan dan Tourism Malaysia Cawangan Kelantan.

Bersempena Hari Seni Sedunia ini juga telah diadakan dua pameran solo iaitu

1. Pameran solo En Azran bin Omar bertajuk "kugha-kugha Kelate" dari berbagai media seperti water clour, akrilik, cat minyak dan air, sketch, lakaran pen dan lain-lain. Pameran ini telah diadakan di Balai Pameran Muzium Negeri bermula 16 Mac hingga 16 April 2016



2. Pameran solo En Muhamad bin Jusoh bertajuk Kedamaian Daerah Timur (Keindahan alam semulajadi dan kehidupan di pantai Timur khususnya Kelantan) yang kebanyakannya menggunakan media water clour. Pameran ini telah diadakan di Balai Seni Lukis Kelantan pada 5 hingga 26 Oktober 2016.

Antara objektif Pameran dan pertandingan ini diadakan:-

1. Bagi memeriahkan sambutan Tahun Melawat Kelantan.
2. Menarik karyawan dari dalam dan luar negeri berkarya di Negeri Kelantan.
3. Mengungkapkan bakat-bakat baru dalam bidang Seni Lukis dan fotografi
4. Bagi menambah Koleksi lukisan yang sedia ada di Balai Seni Lukis Kelantan.



Bengkel lukisan, Pameran Solo dan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan.



# MAJLIS PELANCARAN BUKU

Oleh : YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan  
Tarikh : 7 Julai 2016  
Tempat : Kota Darulnaim

Alhamdulilah bersyukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya buku khas Menteri Besar Kelantan dan buku Sejarah Jajahan Negeri Kelantan dapat diterbitkan sempena perayaan Jubli Perak "Pentadbiran Membangun Bersama Islam". Sekalung tahniah juga diucapkan kepada pengarang kedua-dua buku ini iaitu YBhg. Dato' Hj Salleh bin Mohd Akib yang telah berusaha mengumpul dan menyiapkan satu penulisan berkaitan Sejarah Menteri Besar Kelantan dan sejarah Jajahan-jajahan Negeri Kelantan. Penerbitan buku ini diharapkan dapat menjadi asas dan sumber rujukan mengenai sejarah Menteri Besar Kelantan dan sejarah Jajahan-jajahan Negeri Kelantan dari awal hingga kini.



Buku sejarah Menteri Besar ini mengandungi sejarah Institusi Menteri Besar Kelantan sejak tahun 1775, biodata tokoh Menteri Besar, perkhidmatan tokoh dalam pentadbiran dan perkembangan

negeri semasa itu. Manakala buku sejarah Jajahan-jajahan di Negeri Kelantan mengandungi sejarah sebelas buah jajahan, tempat-tempat bersejarah dan perkembangan negeri di Jajahan tersebut.

*Petikan dari kata Aluan buku Menteri Besar Kelantan dan buku sejarah Jajahan Negeri Kelantan YB Mejar (B) Dato' Haji Md Anizam bin Ab. Rahman.  
Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan*



Majlis pelancaran buku sejarah jajahan dan menteri besar kelantan



Bergambar kenangan di hadapan Muzium Adat Istiadat Diraja Kelantan (Istana Jahar) bersama Dato' Pengurus dan Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan



Dato' Pengurus Muzium dan Mantan Ketua Jajahan Kuala Krai melawat Galeri Kuala Krai



Majlis penyerahan Galeri Kuala Krai

## PENYERAHAN GALERI KUALA KRAI

Majlis penyerahan galeri Kuala Krai kepada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan oleh Majlis Daerah Kuala Krai telah berlangsung pada 30 Mac 2016 antara Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Krai dengan Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan yang disaksikan oleh YB Mejar (B) Dato' Hj Md Anizam bin Ab Rahman Pengurus Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan, Merangkap Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Galeri Kuala Krai mula diusahakan penubuhannya oleh YABhg Dato' Dr Hj Zainuddin bin Hj Ibrahim mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan yang pada masa itu beliau menjadi Ketua Jajahan Kuala Krai.

Bangunan Galeri Kuala Krai ini asalnya adalah bangunan Mahkamah Majistret lama yang terletak bersebelahan Pejabat Majlis Daerah Kuala Krai dan Bangunan Perpustakaan Awam Kuala Krai. Kemudian bangunan

ini telah dipinjamkan kepada Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Kelantan untuk tujuan dijadikan galeri, manakala pengurusan nya dipertanggung-jawabkan kepada Majlis Daerah Kuala Krai. Bangunan ini kemudiannya diubahsuai daripada sebuah Mahkamah menjadi galeri dengan pengubahsuaian bahagian dalam supaya sesuai dengan imej sebuah galeri yang memperkenan

info-info dan artifak yang berkaitan dengan sejarah Kuala Krai.

Galeri Kuala Krai ini telah disempurnakan perasmianya oleh Tengku Mahkota Kelantan Yang Teramat Mulia Dr Tengku Muhammad Fa-iz Petra pada 11 Muarram 1436 bersamaan 4 November 2014.





Haji Nik Mahmud b. Haji Ismail  
(Dato' Perdana Menteri Paduka Raja)  
1921 - 1944



Tan Sri Dato' Nik Ahmad Kamil b. Nik Mahmud  
(Dato' Seri Setia Raja)  
1944 - 1953



Tg. Mohamad Hamzah b. Tg. Zainal Abidin  
(Tengku Seri Maharaja)  
1953 - 1959



Dato' Haji Ishak Lofti b. Omar  
1959 - 1964




Dato' Haji Asri b. Haji Muda  
1964 - 1973



Dato' Haji Mohamed b. Nasir  
(Dato' Biji Sura)  
1973 - 1978



Tan Sri Dato' Mohamed b. Yaacob  
(Dato' Bentara Kanan)  
1978 - 1990



Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz b. Nik Mat  
(Dato' Bentara Setia)  
1990 - 2013



Ustaz Dato' Haji Ahmad b. Haji Yakob  
2013 - sekarang

# SEJARAH MENTERI BESAR KELANTAN

\* sambungan bil. 3

Dalam era pemerintahan Long Senik merupakan permulaan campur tangan Siam dalam pemerintahan dan kemudian British pada tahun 1903 Masihi. Sultan Muhammad IV melalui nasihat Penasihat British telah menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN). Ahli-ahlinya terdiri daripada Baginda Sultan sebagai Penggerusi dan 14 orang ahli yang lain termasuklah Menteri Besar dan Penasihat, serta Penolong Penasihat British, Mufti, Kerabat-kerabat dan lain-lain orang kenamaan.

Mengikut sistem yang baru ini perkara mustahak dan penting di dalam pentadbiran negeri dibincangkan terlebih dahulu antara Penasihat British dan Menteri Besar, kemudian mereka akan sembah maklum kepada Sultan. Fungsi utama MMN ialah menggubal undang-undang. Rang

undang-undang akan dibentang oleh Sultan dalam MMN yang pada biasanya mendapat nasihat daripada Penasihat British. MMN juga menerima dan meluluskan peruntukan kewangan, permohonan tanah, memulakan perniagaan, kuasa kehakiman, melantik kakitangan dan lain-lain lagi. Menteri Besar dan Penasihat British mempunyai pejabat masing-masing dan saling bekerjasama antara satu sama lain. Ini adalah bentuk pentadbiran peringkat negeri pada masa itu. (Mohd.Kamruzaman A. Rahman Penasihat Inggeris: Pemb. Pentad. Neg. Kel (1910-1920) – Warisan Kel.XI – 1992 ms: 60-61).

Penasihat British yang pertama ialah J.S Mason menggantikan W.A Graham pada 15 Julai 1909 setelah Perjanjian Inggeris – Siam ditandatangani dan dengan itu bermula lah "Sistem Penasihat"

British sepenuhnya di Kelantan. Pembaharuan yang dibawa oleh British melibatkan fizikal dan mentaliti dalam bidang politik, ekonomi dan sosial rakyat Negeri Kelantan. Corak dan sistem pemerintahan setiap orang Raja zaman sebelum Sultan Muhammad IV tidak jelas nama dan jawatan yang dipegang serta tugas-tugas yang dilaksanakan oleh seorang Penasihat Raja atau kemudiannya dinamakan Menteri Besar yang mengetuai Pentadbiran Negeri selepas daripada Raja.

Selepas daripada itu, keadaan dan corak pemerintahan lebih jelas dan teratur di zaman Nik Mahmud bin Nik Ismail sebagai Menteri Besar bergelar Dato' Perdana Menteri Paduka Raja yang lebih dikenali umum sebagai Dato' Perdana. Kemudiannya jawatan tersebut telah disebut "MENTERI BESAR".



## Kenali Muzium

### MUZIUM DIRAJA ISTANA BATU

Bangunan Muzium Diraja yang lebih dikenali dengan Istana Batu (Dipanggil Istana batu kerana bangunan ini diperbuat dari konkrit simen, manakala dua buah Istana berdekatan iaitu Istana Balai Besar dan Istana Jahar diperbuat dari kayu yang siap dibina dalam tahun 1939. Istana ini dibina khas sebagai hadiah perkahwinan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim (1961-1979) dengan Duli Yang Maha Mulia Tengku Zainab binti Tengku Muhammad Petra, daripada ayahnya saudara baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Muhammad IV(1920-1944). Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Yahya Petra bersemayam di Istana ini sehingga 1961 kerana selepas ini baginda berangkat bersemayam di Istana Kota Lama di jalan Sultanah Zainab.

Dalam tahun 1969, Istana ini telah dijadikan Istana rasmi kepada Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Ismail Petra Ibni Sultan Yahya Petra yang kemudiannya ditabah menjadi Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Kelantan Darulnaim. Dalam tahun 1991 baginda telah

mengampuni perkenan Istana ini dijadikan muzium Diraja.

Di Muzium ini para pengunjung berpeluang mengenali dengan lebih dekat kehidupan keluarga Diraja Kelantan melalui koleksi dan gambar-gambar yang dipamerkan. Pakaian dan barang milik Raja-raja dan kerabat Diraja juga dipamerkan. Setiap ruang dan bilik yang terdapat di Istana ini disusun atur indah dengan barang Kristal, perak dan tembaga serta perabot antik yang tidak ternilai harganya.

Lokasi Muzium: Jalan Hilir Kota, bersebelahan dengan kampong Kraftangan Kota Bharu.  
Waktu operasi : 9 pagi-5 petang.  
Dibuka setiap hari kecuali Jumaat.



Keluarga Diraja Al-Marhum Sultan Yahya Petra



Sebahagian pameran di Muzium Diraja

## Berita Staf

### Tahniah: Penerima Anugerah Kehormat Negeri Kelantan

1. Abustarim bin Yaacob - Ahli Yang Kehormat Yang Kelima (Ahli) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (A.S.K)
2. Roslan bin Ibrahim - Pinggat Bakti (PB)

### Kembali Ke Rahmatullah

1. Dato' Hj Salleh b. Mohd Akib - Pegawai Penyelidik (Tamu)  
Kembali Ke Rahmatullah pada 27 Jun 2016

**Pengiktirafan Bintang  
Petunjuk Prestasi Utama  
(KPI) HRMIS Tahun 2015  
kepada Perbadanan Muzium  
Negeri Kelantan**



Penerima: En Mohamad Nazwan bin Ismail  
Pengarah Muzium Kelantan

**Tahniah: Anugerah Khidmat  
Cemerlang (APC)  
Anggota Perkhidmatan Awam  
Peringkat Negeri Kelantan  
Tahun 2015**



Penerima:  
Roslan bin Ibrahim  
Penerima:  
Sobri bin Hussin



**15 Januari - 31 Mei**  
**Pameran Peralatan Perang Islam &**  
**Perang-perang Besar dalam Islam**  
**Di Muzium Negeri**

**15 - 20 Mei**  
**Hari Muzium**  
**Antarabangsa 2017**

**25 Mei - 25 Jun**  
**Pameran Khat 2017**  
**Muzium Negeri/Balai Seni Lukis**

**Julai - September**  
**Pameran Dua Tanah Haram:**  
**Mekah dan Madinah**

**Oktober - Disember**  
**Pameran Pendidikan Perdana III:**  
**Kegemilangan Ulama dan Saintis Islam**  
**Muzium Negeri**



\* Tertakluk kepada perubahan



# BUKU TERBITAN


PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN



RM16.00



RM16.00




RM22.00



RM22.00




RM22.00



RM22.00



RM16.00



RM22.00



RM20.00



RM16.00



RM16.00



RM65.00



RM65.00



RM26.00



RM16.00



RM33.00



Buku Warisan Kelantan  
**RM16.00**  
Bil 1 - 35




RM18.00

RM25.00

RM20.00

RM16.00

RM30.00



Sebarang pertanyaan dan tempahan sila hubungi:

**PN. RUBAIDA BINTI DAUD**

PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN,  
JALAN HOSPITAL, 15000 KOTA BHARU KELANTAN.

NO. TEL: 09-748 2266 FAX: 09-748 3366

email: muzium@kelantan.gov.my | web: www.muzium.kelantan.gov.my

**Dapatkan Kad Ahli Sekarang !!!**

**sahabatmuzium Kelantan**  
www.dauslamuziumkelantan.mziu

**Kunjungi MUZIUM**

**Manfaat Ahli Sahabat Muzium**

- Mendapat Cenderahati
- Berpeluang menyertai aktiviti anjuran PMNK
- Menerima pendedahan dalam bidang permuziuman
- Berpeluang mengikuti ekskavasi arkeologi
- Sentiasa mendapat informasi terkini dari PMNK

sebarang pertanyaan sila hubungi : 09-748 2266

**Terbuka Kepada Seluruh Warganegara Malaysia**

bloggers, ahli korporat, pelajar ipa / ips, pensyarah, guru, pelajar sekolah, dan ramai lagi....

**Permohonan**  
permohonan yang berumur 18 tahun ke bawah diminta mendapat kebenaran dari perjaya

**Borang Permohonan**  
Boleh di muat turun di laman web : [www.muzium.kelantan.gov.my](http://www.muzium.kelantan.gov.my)  
permohonan boleh diemalkan ke : muzium@kelantan.gov.my  
Fax : 09-747 3366

**Yuran Tahunan**

<b>RM 10</b>	warganegara berumur 18 tahun keatas
<b>RM 3</b>	warganegara berumur 17 tahun ke bawah dan pelajar sekolah & ipa/ips

# Sahabat Muzium Kelantan

**Sahabat Muzium** merupakan salah satu program pendidikan muzium. Tujuan penubuhan Sahabat Muzium adalah untuk mendekatkan lagi hubungan kakitangan muzium dengan masyarakat terutamanya golongan remaja di alam persekolahan bagi memberikan kefahaman dan pendedahan kepada mereka terhadap sejarah, budaya, warisan negeri serta peranan muzium.

Selain itu, program ini dapat menarik minat masyarakat dari dalam dan luar negeri untuk lebih mendekati muzium untuk berkongsi serta memperkenalkan barang / artifak yang dimiliki untuk dipinjamkan ataupun dijual kepada pihak Muzium.

Pihak Muzium Kelantan akan membuka kaunter pendaftaran untuk mengumpul seramai mungkin ahli-ahli kelab Sahabat Muzium.